

**SIKAP DAN KESEDIAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PEMBELAJARAN KOMSAS BAHASA MELAYU**

(Attitude and Readiness Secondary School Students on Higher Order Thinking Skill in Malay Language Literature Component)

**NASYIMAH ISMAIL**

Sekolah Swasta Bandar

Seri Sendayan

[nasyemaismail@yahoo.com](mailto:nasyemaismail@yahoo.com)**ZAMRI MAHAMOD**

Universiti Kebangsaan Malaysia

[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)**Dihantar pada:**

20 November 2015

**Diterima pada:**

21 Julai 2016

**Koresponden:**[nasyemaismail@yahoo.com](mailto:nasyemaismail@yahoo.com)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kajian tinjauan ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap perbezaan sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT berdasarkan jantina. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan borang kaji selidik yang melibatkan 322 orang pelajar di empat buah sekolah menengah di Tanah Merah, Kelantan. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 19.0. Data telah dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan, min, peratus dan sisihan piawai. Analisis deskriptif mendapati min sikap (4.04) dan kesediaan (3.98) pelajar terhadap KBAT berada pada tahap tinggi. Analisis inferensi menggunakan ujian-t dan korelasi mendapati terdapat perbezaan kesediaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS. Manakala tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS. Daripada analisis menunjukkan KBAT semakin diterima di sekolah dan pelajar menunjukkan kecenderungan untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam dalam KOMSAS. Oleh itu, diharapkan guru dapat mencipta suasana pembelajaran yang lebih kondusif menggunakan KBAT di dalam bilik darjah supaya dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari KOMSAS. dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Sikap, kesediaan, sekolah menengah, kemahiran berfikir aras tinggi, bahasa Melayu, komponen sastera

**Abstract:** The purpose of this study is to investigate attitude and students readiness on Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Malay Literature component. Besides, the survey also purpose to investigate difference level of attitude and students readiness on HOTS. The study had been conducted for two weeks using survey form that involved 322 secondary students from four school in Tanah Merah, Kelantan. Data obtained were analyzed using *Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 19.0. Data were analyzed in descriptive using frequency, mean, percent and standard deviation. Descriptive analyzed found the mean of this study such as attitude (4.04) and readiness (3.98) on the high level. T-test had been used to identify different attitude and students readiness on HOTS by gender. Inferential analyzed found there were significant difference between male and female students in readiness on HOTS in component of Malay Literature. There was no significant difference between male and female students in attitude on HOTS in component of Malay Literature. From the analysis showed that HOTS had been accepted and students showed tendency to learn component of Malay Literature in more depth. Teacher are expected to create more condusive learning condition using HOTS in the classroom. Therefore, it's can increase student's passion to learn Malay Literature component.

**Keywords:** Attitude, readiness, secondary school, higher order thinking skills, Malay language, literature component

## PENGENALAN

Proses berfikir merupakan satu proses mental atau aktiviti mental untuk mencari makna. Pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang menekankan kemahiran berfikir merupakan teras kepada pembelajaran (McGregor 2007). Dalam sistem pendidikan di Malaysia, penerapan kemahiran berfikir dikaitkan dengan satu proses menggunakan minda sama ada mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan, atau menyelesaikan masalah. Proses P&P yang berteraskan kemahiran berfikir dan strategi berfikir memerlukan penggunaan strategi dan kaedah P&P yang terancang agar dapat mengembangkan minda pelajar secara menyeluruh (KPM 1999). Seterusnya dalam transformasi pendidikan negara melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada 2017, daya pemikiran kritis dan kreatif serta daya pemikiran inovatif menjadi fokus dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang seimbang agar dapat menangani cabaran semasa dan masa akan datang (KPM 1999)

Menyedari bahawa pentingnya kemahiran berfikir, pendidik di seluruh dunia telah mengkaji tentang mengajar kemahiran berfikir (Stenberg & Spear-Swerling 1996). Kajian dilakukan untuk membantu pelajar supaya dapat menguasai kemahiran belajar secara sendiri dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ketika proses P&P di dalam bilik darjah. KBAT terdapat ciri peluasan pemikiran seseorang untuk menginterpretasi, menganalisis ataupun memanipulasi maklumat. Hal ini berlaku kerana persoalan yang perlu dijawab ataupun satu masalah yang perlu dicari penyelesaiannya tidak boleh diselesaikan dengan hanya mengaplikasikan ilmu yang sedia ada. Seseorang itu perlu berkemampuan untuk membuat kesimpulan, membuat inferensi dan juga generalisasi. Selain itu, individu juga mendapat peluang untuk membuat ramalan, mencadangkan penyelesaian, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah serta membuat keputusan.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kemahiran berfikir yang diperlukan oleh pelajar adalah untuk memanipulasi idea dan juga perasaan yang terkandung dalam teks adalah diberi

keutamaan (Indramalar 1997a). Sistem Pendidikan yang telah dikemas kini dari semasa ke semasa adalah untuk meningkatkan P&P pemikiran analitik dan rasional (Indramalar 1997b). Oleh itu, untuk mencapai objektif untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir, KPM telah memperkenalkan Program Pengajaran Kemahiran Berfikir secara formal di sekolah dan maktab perguruan bermula tahun 1992 (Rajendran, 1998).

Pentingnya kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar telah mendorong KPM untuk memantapkan lagi usaha ke arah untuk menghasilkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Usaha ini adalah bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang memerlukan pelajar yang mampu berfikir dengan aras tinggi. Peranan dan kepentingan kemahiran berfikir dalam P&P Bahasa Melayu telah dinyatakan dengan jelas dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu pada 2003 telah menyatakan bahawa Kurikulum Kesusasteraan Melayu diwujudkan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, di samping menyediakan pelajar untuk menguasai kecekapan berbahasa dan komunikasi dan mengembangkan kemahiran berfikir pelajar.

Elemen kemahiran berfikir yang diletakkan dalam kemahiran bernilai tambah diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam pelbagai aktiviti. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya pelajar pada masa depan (Pusat Perkembangan Kurikulum 2003).

## PERNYATAAN MASALAH

Komponen Sastera Bahasa Melayu (KOMSAS) merupakan subjek yang mampu dijadikan sebagai landasan untuk membina KBAT pelajar. Rajendran (2000) berpendapat bahawa kesusasteraan dapat menjadi wahana yang berkesan untuk mengajar KBAT. Hal ini kerana kesusasteraan menawarkan pelbagai wacana yang boleh digunakan untuk mengajar ke KBAT. Kesusasteraan Melayu juga mengandungi pelbagai model proses penyelesaian masalah yang dapat

digunakan oleh guru. Perkara yang perlu diberi perhatian merupakan pengajaran yang menekankan KBAT.

Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Zamri dan Nor Razah (2011) menunjukkan bahawa guru banyak mengemukakan soalan yang tertumpu kepada aras rendah sahaja, iaitu pengetahuan dan kefahaman sahaja. Hal ini disokong oleh Seman (2005) yang menunjukkan guru tidak menggunakan soalan aras tinggi. Guru Bahasa Melayu didapati kurang mengemukakan soalan aras tinggi dalam menguji kemahiran berfikir pelajar. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa guru tidak menekankan komponen KBAT dan kurang menyediakan peluang bagi pelajar untuk menguasai kemahiran berfikir sekiranya guru kurang yakin dari segi pengetahuan dan kemahiran mengajar kemahiran berfikir (Rajendran 1998).

Oleh yang demikian, guru seharusnya didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran mengajar dalam kesusasteraan dan kemahiran berfikir dengan secukupnya. Guru yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang kesusasteraan akan membawa pengajaran di dalam kelas ke tahap yang lebih tinggi (Zamri 2014). Komponen sastera menawarkan pelbagai peluang kepada guru untuk mewujudkan wacana menyelesaikan masalah, membuat keputusan, membuat inferens, mencadangkan idea baru dan juga menilai sesuatu tindakan. Kesemua aktiviti ini mempunyai ciri KBAT.

Isu pemilihan teks juga perlu diberi perhatian jika komponen sastera hendak dijadikan wahana untuk mengajar KBAT. Teks yang dipilih dari pelbagai genre seperti cerpen, novel, sajak dan drama perlu memberi peluang kepada guru dan pelajar untuk melalui proses pemikiran aras tinggi. Teks yang dipilih juga perlu berkaitan dengan kehidupan pelajar supaya ia lebih relevan dan membawa makna kepada pelajar. Hal ini adalah kerana sastera merupakan rakaman tentang pengalaman-pengalaman dan imaginasi manusia dari pelbagai zaman yang akan mencerna pemikiran dan rasa ingin tahu manusia. Oleh itu, apabila wacana yang terkandung dalam teks yang dibaca mempunyai hubungan dengan kehidupan pelajar, pelajar dapat menggunakan pengalaman yang diterima untuk membina idea baharu (Zamri 2014, Syahida Nadia 2015).

P&P yang masih bertumpu kepada peperiksaan menyebabkan usaha untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya (Zamri 2014). Penekanan kepada peperiksaan telah menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada kemahiran berfikir pelajar sebaliknya menumpukan kepada usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan juga penguasaan teknik menjawab soalan peperiksaan. Kaedah pengajaran guru lebih tertumpu kepada penyediaan maklumat dengan tujuan menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukatan.

Oleh yang demikian, memadai jika pengajaran pemikiran ditumpukan kepada pelajar pintar sahaja. Novak (1990) berpendapat bahawa sesuatu kaedah pengajaran yang dilakukan mestilah dapat menjadikan pengajaran itu lebih efektif dan bermakna. Pengajaran seharusnya menggalakkan kemahiran berfikir pelajar dan bukannya sebagai suatu teknik hafalan semata-mata. Melalui kajian Zamri dan Nor Razah (2011), konteks P&P penyoalan sepatutnya berupaya untuk menggalakkan interaksi antara guru dan pelajar secara berkesan. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru dapat mencungkil pengetahuan pelajar dan seterusnya mengukuhkan pelajaran yang disampaikan oleh guru. Oleh itu, seorang guru yang mahir merupakan seorang penyoal yang berkesan kerana dapat menggunakan soalan-soalan yang dapat membimbing pelajar memberikan idea yang jelas, mengembangkan potensi berfikir pelajar serta dapat menggerakkan daya imaginasi pelajar.

Selain itu, para pelajar didapati lemah berfikir dalam pembelajaran KOMSAS atas faktor luaran dan dalaman (Anisah 2009). Dari aspek faktor dalaman, pelajar bersikap pasif dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Mereka tidak menunjukkan minat dalam mempelajari sastera dan tidak suka membaca karya sastera selain pengaruh rakan sebaya. Mereka hanya akan membaca karya sastera jika disuruh oleh guru di dalam kelas. Dari segi aspek luaran, Chew Fong Peng (2006) telah mengenal pasti beberapa masalah yang dihadapi oleh para guru. Para guru didapati kekurangan pengetahuan dalam menyampaikan proses P&P ilmu sastera kerana bukan pengkhususan dalam bidang itu. Justeru,

guru tidak mahir dengan istilah sastera sehingga mengganggu kelancaran P&P. Guru serba salah dan bercelaru dalam menyampaikan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan subjek Kesusasteraan Melayu (Elektif).

Begitu juga dengan sikap segelintir pelajar yang hanya belajar untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan (Chew Fong Peng 2006). Keadaan ini menyebabkan pelajar gagal untuk berfikir dengan kritis dan kreatif. Permasalahan kini timbul kerana sistem persekolahan kurang memberi penekanan terhadap tugas memperkembang daya pemikiran pelajar. Penumpuan lebih kepada penyediaan maklumat dengan tujuan menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukatan (Zamri 2014).

Dalam proses pengajaran yang berpusatkan guru, pelajar menjadi pasif atau bersifat sehalu. Pelajar lebih gemar menjadi pendengar dan hanya mengharap guru untuk mendapatkan ilmu. Situasi pengajaran yang kurang menarik menyebabkan pelajar kurang berminat untuk belajar. Kegagalan penerapan kemahiran berfikir akan menyebabkan pelajar menghadapi masalah apabila telah tamat pelajaran dan mencari kerjaya. Pelajar yang tidak didedahkan dengan ilmu kemahiran berfikir akan menyebabkan pelajar-pelajar sukar untuk mendapat pekerjaan (Poh Swee Hiang 2001).

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau KBAT dalam pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga turut meninjau sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam KOMSAS.

### **PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah tahap sikap pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu?
2. Apakah tahap kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu?
3. Adakah terdapat perbezaan sikap terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan faktor jantina?

4. Adakah terdapat perbezaan kesediaan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan faktor jantina?

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini merupakan jenis kuantitatif secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Satu set soal selidik digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden, sikap pelajar dan juga kesediaan pelajar terhadap KBAT. Penggunaan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik memudahkan penyelidik memperoleh kerjasama daripada responden. Selain itu, penyelidik menggunakan instrumen berbentuk soal selidik kerana lebih mudah ditadbir dan data mudah dikutip serta dianalisis.

### **Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di empat buah sekolah menengah di Tanah Merah, Kelantan. Populasi kajian ialah pelajar tingkatan empat di daerah Tanah Merah, Kelantan. Seramai 322 orang pelajar tingkatan empat yang terdiri daripada aliran Sains dan Kemanusiaan telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

Penentuan saiz sampel adalah merujuk kepada Krejcie dan Morgan (1970), melalui jadual penentu saiz sampel berdasarkan populasi menyatakan jika jumlah populasi seramai 2000 orang, maka sampel ialah 322 orang. Populasi pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan empat aliran Sains dan Kemanusiaan, iaitu seramai 2000 orang. Maka sampel bagi kajian ini adalah seramai 322 orang pelajar.

Sampel terdiri daripada pelajar tingkatan empat daripada empat buah sekolah dan mereka terdiri daripada pelajar aliran Sains dan Kemanusiaan. Sekolah-sekolah yang terlibat merupakan SMK A, SMK B, SMK C, dan SMK D. Rasional empat buah sekolah ini dipilih kerana berdekatan dengan tempat tinggal penyelidik dan pencapaian akademik pelajar dalam empat buah sekolah ini adalah hampir sama.

## Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini. Instrumen diubah suai daripada kaji selidik yang Khairuddin (2011). Instrumen mengandungi tiga bahagian, iaitu latar belakang responden kajian, sikap pelajar terhadap KBAT dan kesediaan pelajar terhadap KBAT. Skala Likert yang digunakan ialah 1 = Sangat Tidak Setuju (STS), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Tidak Pasti (TP), 4 = Setuju (S), 5 = Sangat Setuju (SS).

## Kajian Rintis

Dalam kajian ini, kajian rintis telah dijalankan di sebuah sekolah menengah di daerah Hulu Selangor. Sebanyak 30 set borang soal selidik telah diedarkan kepada sekolah yang terlibat. Untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan, data yang diperoleh melalui kajian rintis dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 19 untuk memperoleh nilai kebolehpercayaan, iaitu Cronbach alpha.

Analisis yang dijalankan, mendapati nilai alpha Cronbach adalah melebihi 0.070. Nilai alpha bagi sikap ialah 0.820 dan kesediaan ialah 0.830. Nilai alpha yang diperoleh menerusi kajian rintis ini adalah tinggi, iaitu 0.845 melebihi 0.8. Nilai alpha yang diterima pakai oleh kebanyakan pengkaji ialah sekurang-kurangnya 0.70 (Chua Yan Piaw 2008).

## Analisis Data

Penganalisan data dibuat melalui analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis deskriptif ini digunakan untuk menghuraikan demografi sampel kajian seperti peratus dan frekuensi. Analisis secara statistik deskriptif juga dibuat berdasarkan interpretasi skor min. Analisis ini digunakan bagi melihat tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT. Dapatan nilai min akan diinterpretasikan kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Analisis inferensi yang digunakan adalah untuk menguji ujian-t. Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji.

Jadual 1. Interpretasi skor min untuk tahap

Nilai Min	Tahap
1.0 -2.33	Rendah
2.34 -3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber : Mohd Majid (2005)

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Sikap Pelajar terhadap KBAT dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu

Jadual 2 menunjukkan skor min bagi tahap sikap pelajar terhadap KBAT ketika belajar KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan Jadual 2, min tertinggi bagi sikap pelajar terhadap KBAT adalah pada item ke-1 "*Pengajaran guru sangat menggalakkan dan merangsang saya untuk berfikir*" dengan min sebanyak 4.25 dan sisihan piawai 0.649. Bagi min terendah adalah pada item ke-7 "*Saya amat berminat dalam pembelajaran KOMSAS apabila guru menerapkan aplikasi KBAT*" dengan min 3.89 dan sisihan piawai 0.736. Daripada dapatan yang diperoleh, tahap sikap pelajar terhadap KBAT adalah berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan jumlah min sebanyak 4.04 dan sisihan piawai 0.475.

Jadual 2. Tahap sikap pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu

Item	Min	SP	Tahap Sikap
1. Pengajaran guru sangat menggalakkan dan merangsang saya untuk berfikir dalam pembelajaran KOMSAS	4.25	0.649	Tinggi
2. Pengajaran menggunakan KBAT membuatkan saya ingin belajar dan berjaya dalam KOMSAS	4.15	0.703	Tinggi
3. Pengajaran menggunakan KBAT meningkatkan penguasaan konsep dan fakta saya dalam KOMSAS	3.91	0.709	Tinggi
4. Pendedahan tentang KBAT amat sesuai diaplikasikan dalam KOMSAS	3.89	0.707	Tinggi
5. Guru sentiasa membuat penerangan yang jelas tentang konsep pembelajaran KOMSAS menggunakan KBAT	4.08	0.703	Tinggi

6. Guru sentiasa memberikan kesempatan kepada saya untuk memberikan pandangan, idea dan kreativiti semasa pembelajaran KOMSAS	4.13	0.694	Tinggi
7. Saya amat berminat dalam pembelajaran KOMSAS apabila guru menerapkan aplikasi KBAT	3.89	0.736	Tinggi
8. Saya berpendapat KOMSAS dapat meningkatkan KBAT dan wajib dipelajari oleh setiap pelajar	4.11	0.724	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.04</b>	<b>0.475</b>	<b>Tinggi</b>

### Tahap Kesiediaan Pelajar terhadap KBAT dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi tahap kesiediaan pelajar terhadap KBAT ketika belajar KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan Jadual 3, min tertinggi bagi kesiediaan pelajar terhadap KBAT adalah pada item ke-10 “*Kerja berkumpulan dengan menggunakan KBAT membantu meningkatkan kefahaman saya mengenai KOMSAS*” dengan min sebanyak 4.34 dan sisihan piawai 0.666. Bagi min terendah adalah pada item ke-5 “*Saya sentiasa membaca bahan KOMSAS yang berkaitan dengan KBAT di dalam bilik darjah*” dengan min 3.73 dan sisihan piawai 0.673. Daripada dapatan yang diperoleh, tahap kesiediaan pelajar terhadap KBAT adalah berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan jumlah min sebanyak 43.98 dan sisihan piawai 0.474.

Jadual 3. Tahap kesiediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu

Item	Min	SP	Tahap Kesiediaan
1. Saya sentiasa mengambil bahagian dalam aktiviti KOMSAS menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.74	0.778	Tinggi
2. Saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab KOMSAS menggunakan KBAT dalam bilik darjah.	3.75	0.761	Tinggi
3. Saya sentiasa mengambil bahagian dalam interaksi kerja berkumpulan KOMSAS menggunakan KBAT di dalam bilik	3.92	0.721	Tinggi

4. Saya sentiasa diberi peluang untuk mengemukakan soalan ketika sesi pembelajaran KOMSAS menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.93	0.770	Tinggi
5. Saya sentiasa membaca bahan KOMSAS yang berkaitan dengan KBAT di dalam bilik darjah.	3.73	0.673	Tinggi
6. Saya sentiasa diberi galakan untuk menjawab soalan pengukuhan setelah selesai sesi pembelajaran KOMSAS menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	4.02	0.710	Tinggi
7. Latihan KOMSAS yang diberikan oleh guru telah mencungkil keinginan saya untuk menggunakan KBAT di dalam pembelajaran.	4.10	0.703	Tinggi
8. Aktiviti KOMSAS yang dijalankan menggunakan KBAT membantu saya untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.	4.07	0.696	Tinggi
9. Kerja berkumpulan KOMSAS dengan menggunakan KBAT lebih menyenangkan saya.	4.27	0.673	Tinggi
10. Kerja berkumpulan dengan menggunakan KBAT membantu meningkatkan kefahaman saya mengenai KOMSAS.	4.34	0.666	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.98</b>	<b>0.474</b>	<b>Tinggi</b>

### Sikap Pelajar terhadap KBAT dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan Jantina

*H<sub>01</sub>: Tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan jantina.*

Jadual 4 menunjukkan nilai min sikap pelajar lelaki (min=3.94) manakala min sikap pelajar perempuan (min=4.01). Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi sikap terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS. Ujian-t menunjukkan t ialah 3.901,  $p > 0.05$ .

Oleh itu, Ho2 diterima. Hal ini bermakna, secara signifikan tidak terdapat perbezaan sikap terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan jantina. Sikap pelajar lelaki dan perempuan mengenai KBAT dalam pembelajaran KOMSAS adalah berada pada tahap yang sama disebabkan pemahaman mereka mengenai KBAT yang diperoleh melalui guru. Pembelajaran KOMSAS tidak mempengaruhi sikap pelajar. Ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi pelajar perempuan dan lelaki mempelajari KOMSAS dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 4. Perbezaan sikap pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan jantina

Aspek	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	p
Sikap	Lelaki	150	3.94	0.476	3.901	.813
	Perempuan	172	4.14	0.456		

\*p<0.05

#### **Kesediaan Pelajar terhadap KBAT Dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan Jantina**

*Ho2: Tidak terdapat perbezaan kesediaan yang signifikan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan jantina.*

Jadual 5 menunjukkan nilai min kesediaan pelajar lelaki (min=3.85), manakala min sikap pelajar perempuan (min=4.10). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min kesediaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Ujian-t menunjukkan t ialah 3.471, p<0.05.

Jadual 6. Perbezaan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan jantina

Aspek	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	p
Kesediaan	Lelaki	150	3.85	0.524	4.719	.002
	Perempuan	172	4.10	0.394		

\*p<0.05

Oleh itu, Ho2 ditolak. Hal ini bermakna, secara signifikan terdapat perbezaan kesediaan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu berdasarkan jantina. Pelajar lelaki dan perempuan mempunyai kesediaan yang berbeza-beza dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Pelajar perempuan didapati lebih bersedia menerapkan KBAT ketika belajar Bahasa Melayu berbanding pelajar lelaki.

## **PERBINCANGAN**

### **Sikap Pelajar terhadap KBAT dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu**

Kajian ini juga mendapati sikap pelajar terhadap KBAT berada pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.04 dan sisihan piawai 0.475. Azizi (2007) menyatakan bahawa sikap ialah nilai kepercayaan yang mempengaruhi cara individu bertindak balas pada sesuatu perkara. Tindak balas yang positif ataupun negatif pada objek sosial dipengaruhi oleh sikap. Pembelajaran menggunakan KBAT berjaya mengubah sikap pelajar yang tidak berminat kepada meminati KOMSAS. Oleh itu, KBAT amat penting di dalam bilik darjah untuk meningkatkan minat pelajar untuk belajar. Normah (2013) menyatakan penguasaan kemahiran berfikir telah meyakinkan pelajar untuk berfikir secara sendiri tanpa perlu bertanya kepada guru. Pelajar juga telah menggunakan minda mereka untuk mentafsir situasi dan masalah yang dihadapi.

Melalui hasil kajian juga membuktikan pelajar lebih memahami isi pelajaran dan mereka lebih yakin untuk memilih kemahiran berfikir yang sesuai dalam penyelesaian masalah. Selain boleh mengingat fakta, pelajar juga merasakan mereka lebih berminat untuk mempelajari KOMSAS jika dibandingkan dengan sebelumnya. Pelajar juga lebih menguasai isi pelajaran KOMSAS dan boleh mengaplikasikannya dalam mata pelajaran yang lain.

Untuk membentuk sikap pelajar yang positif terhadap KBAT, guru juga memainkan peranan yang penting. Hal ini disokong oleh Zamri (2014) yang berpendapat bahawa guru perlu melatih pelajar supaya dapat mencari maklumat dengan sikap yang kritis. Beliau juga mencadangkan kaedah penemuan dan soal siasat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Zamri

(2014, 2015) serta Zamri, Ruslin dan Mohamed Amin (2015) mendapati bahawa strategi pengajaran yang berpusat kepada pelajar seperti kumpulan kecil dan penyelesaian masalah mempunyai korelasi yang signifikan dengan peluang belajar berfikir dalam P&P. Dalam kajian ini, didapati pelajar banyak menggunakan KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Pelajar menunjukkan sikap yang tinggi akan penggunaan KBAT ini dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu.

### **Kesediaan Pelajar terhadap KBAT dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu**

Secara keseluruhan, didapati kesediaan pelajar terhadap KBAT berada pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan 3.98 dan sisihan piawai 0.474. Analisis menunjukkan penglibatan pelajar secara berkumpulan menggunakan KBAT mencatatkan min paling tinggi, iaitu 4.34. Hal ini kerana penggunaan KBAT telah menyebabkan murid sentiasa mengambil bahagian dalam aktiviti berkumpulan dan aktif semasa sesi soal jawab dengan guru. Kerja berkumpulan yang diberikan oleh guru telah meningkatkan kefahaman pelajar dalam KOMSAS dan menyenangkan pelajar untuk berinteraksi dengan pelajar yang lain. Tahap kesediaan yang tinggi bermakna wujud minat yang mendalam pada pelajar tersebut untuk menggunakan kaedah P&P ini. Sebaliknya, tahap kesediaan yang rendah memberi makna yang sebaliknya.

Hasil kajian Syahida Nadia (2014) mendapati pelajar menunjukkan kesediaan yang tinggi dalam pembelajaran KOMSAS apabila diajar menggunakan pendekatan konstruktivisme. Dalam kajian ini, apabila penggunaan KBAT digunakan dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu, didapati pelajar bersedia menggunakannya, terutamanya dalam kalangan pelajar perempuan. Menurut Zamri (2015), kepelbagaian strategi belajar yang digunakan oleh pelajar ketika belajar Bahasa Melayu banyak mempengaruhi sikap dan kesediaan mereka. Penggunaan KBAT dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu menjadikan pembelajaran tersebut lebih menarik dan menyeronokkan pelajar (Zamri 2014).

Selain itu, Chew Fong Peng dan Shashipriya (2014) menyatakan bahawa penerapan dan penggunaan kemahiran berfikir (KBKK ataupun

KBAT) membantu pelajar mempelajari KOMSAS dengan baik. Penggunaan KBAT menjadikan aktiviti pembelajaran tersebut menyeronokkan pelajar ketika mempelajari KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

### **KESIMPULAN**

Kemahiran berfikir adalah asas kepada proses pendidikan. Keupayaan seseorang pelajar berfikir dapat mempengaruhi cara pembelajaran dan kepantasan serta keberkesanan pembelajaran. Keupayaan untuk memindahkan kemahiran yang telah dipelajari kepada situasi-situasi lain merupakan salah satu aspek yang penting dalam kehidupan. Maka, KBAT sangat penting bagi meningkatkan penguasaan pengetahuan yang dipelajari. Pelajar yang mahir melakukan operasi pemikiran berupaya meningkatkan kefahaman dan memperkukuhkan pembelajaran.

Kefahaman berkaitan dengan apa yang diajar akan meningkat apabila pemikiran pelajar dicabar dan galakan diberikan untuk menggunakan minda mereka. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa KBAT penting dalam pembelajaran KOMSAS. Selain menjadikan KOMSAS lebih seronok untuk dipelajari, ia juga dapat melatih pelajar untuk mengoptimalkan penggunaan minda mereka ketika mempelajari KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

### **RUJUKAN**

- Chew Fong Peng & Shashipriya Nadarajan. 2014. Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 10-24.
- Chew Fong Peng. 2006. Pendidikan kesusasteraan Melayu di Malaysia dan permasalahannya. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 29 (1): 143-157.
- Chua Yan Piaw. 2008. *Asas statistik penyelidikan: Analisis data skala ordinal dan skala nominal*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M).
- Indramalar, S. 1997 (b). Bangsa Malaysia 'the only way'. *The Star*, p.4.
- Indramalar, S.1997 (a). Develop thinking skills, students urged. *The Star*, p.3.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1999. *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu: Edisi penyesuaian*



- memasukkan kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairuddin Ahmad. 2011. Keberkesanan kaedah peta konsep terhadap pencapaian, sikap, dan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational Psychological Measurement*, 30:608.
- McGregor, D. 2007. *Developing thinking developing learning: A guide to thinking skill in education*. New York: McGraw Hill.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Normah Yamim. 2013. Pengajaran kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Geografi sekolah menengah. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum. 2003. *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran, Nagappan. 1998. Teaching higher order thinking skills in language classroom: The needs for transformation of teacher practice. PhD Dissertation, Michigan State University.
- Rajendran, Nagappan. 2000. Kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Prosiding Seminar kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan dalam Pendidikan. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sternberg, R. & Spear-Swerling, L. 1996. *Teaching for thinking*. Washington, D.C: American Psychological Association.
- Syahida Nadia Zakaria. 2015. Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2): 12-21.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. 2011. Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (5): 51-65.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. 2015. *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2015. *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.